

23 NOV 1998

Najib-Guru

MAKLUMAT TEPAT GURU HASUT PELAJAR DIPERLUKAN, KATA NAJIB

IPOH, 23 Nov (Bernama) -- Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kementerian memerlukan maklumat tepat dan terperinci mengenai guru yang didakwa menghasut pelajar supaya membenci pemimpin negara sebelum tindakan dapat diambil.

Ini kerana tindakan tatatertib terhadap para guru tertakluk di bawah peraturan Suruhanjaya Perkhidmatan Guru yang memerlukan setiap tindakan yang diambil berdasarkan maklumat terperinci, katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sijil kursus teknologi maklumat anjuran Umno bahagian Ipoh Barat, Malaysian Information Technology Berhad dan Unimaya Sdn Bhd.

Najib berkata setiap laporan itu memerlukan maklumat mengenai nama guru, sekolah tempat beliau mengajar, kesalahan yang dilakukan serta saksi yang melihatnya.

Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan memandang serius perbuatan para guru yang menghasut pelajar supaya membenci kerajaan dan pemimpinnya dan akan mengeluarkan amaran kepada mereka yang disyaki terbabit, katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai wujudnya kini para ibubapa dan guru yang menghasut kanak-kanak supaya membencinya dengan menunjukkan gambarnya serta mengatakan kepalanya (Dr Mahathir) patut dipancung.

Di Teluk Intan, Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata ibubapa yang memeralatkan anak-anak mereka sewaktu demonstrasi perlu dipertanggungjawabkan jika anak-anak mereka menjadi mangsa keganasan.

Katanya, sikap ibubapa menggunakan anak-anak mereka sebagai benteng dan perisai semasa demonstrasi memperlihatkan sikap mereka yang tidak bertanggungjawab terhadap anak-anak mereka sehingga mendedahkan mereka kepada bahaya.

Ibubapa sepatutnya bertanggungjawab membimbing anak-anak mereka supaya sentiasa sopan dan penyayang, bukannya meracuni pemikiran mereka, katanya kepada pemberita selepas meletak batu asas Kompleks Perniagaan Kampung Gajah.

Tindakan mereka memupuk sikap benci di kalangan anak-anak mereka menunjukkan mereka gagal menjalankan amanah sebagai ibubapa, katanya.

-- BERNAMA

HK AKD